

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 30 MAC 2018 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Companies urged to join forces with youths in sustainability projects	Malaysian Digest
2.	Kena kerjasama dengan belia	Sinar Online
3.	Syarikat digesa kerjasama dengan belia	Sinar Harian
4.	Manfaat untuk pesakit kanser	Sinar Online
5.	Makmal halal pertama dunia di Malaysia	Berita Harian
6.	Bukan retorik bina MyHAC	Harian Metro
7.	Cyberl3 atasi kelemahan kamera IP	Berita Harian



Companies Urged To Join Forces With Youths In Sustainability Projects



PUTRAJAYA: More companies are encouraged to explore strategic partnerships in environmental sustainability initiatives spearheaded by the youth, said **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau**.

He said it was essential for the government to engage the private sector and empower youths to be part of the National Transformation 2050 (TN50) agenda from a sustainability perspective.

"Some innovations need a lot of funding from the government but sometimes we have constraints in funding, especially for big projects.

"But if we could come out with a business model to address this kind of issues, it would be fantastic," he said at a memorandum of understanding (MoU) signing ceremony between Ecoverse and Sime Darby Plantation Bhd to develop a sustainable bamboo plantation here yesterday.

Ecoverse, a youth-led enterprise, was represented by its founder, Christopher Louis Tan, while Sime Darby Plantation by its Principal Sustainability Officer, Lee Ming Enn.

Tan said Ecoverse's goal was to create Malaysia's first youth-led sustainability hub revolving around a bamboo plantation on its 32 hectares of native land where visitors could experience sustainable living lifestyle.

"Basically, we are providing ecotourism experiences but with a good cause to raise awareness on sustainability through our volunteering and conservation activities in Sabah," he said.

Tan said through the three-year MoU, Sime Darby Plantation would provide technical support to assist research in bamboo plantation programme to create a bamboo forest carbon sink.

— *Bernama*



Kena kerjasama dengan belia



Madius Tangau (berdiri tengah) menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Ecoverse yang diwakili Christopher (duduk, kiri) dan Sime Darby Plantation Berhad yang diwakili Ming Enn (duduk, kanan) di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Putrajaya.

LEBIH banyak syarikat digalakkan untuk meninjau kerjasama strategik dalam inisiatif kelestarian alam sekitar yang diterajui oleh golongan belia, kata **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau.**

Beliau berkata, penting bagi kerajaan untuk melibatkan sektor swasta dan memperkasakan golongan belia untuk menjadi sebahagian daripada agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50) dari perspektif lestari.

“Sebahagian inovasi memerlukan banyak pembiayaan daripada kerajaan tetapi kadangkala kita mempunyai kekangan dalam pembiayaan, terutamanya untuk projek-projek besar.

“Namun, jika kita dapat menghasilkan model perniagaan untuk menangani masalah ini, ia adalah hebat,” katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Ecoverse dan Sime Darby Plantation Bhd untuk membangunkan ladang buluh yang lestari di Putrajaya.

Ecoverse, syarikat yang diterajui oleh beliau, diwakili oleh pengasasnya, Christopher Louis Tan, manakala Sime Darby Plantation oleh Pegawai Lestari Utama, Lee Ming Enn.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 40
TARIKH: 30 MAC 2018 (JUMAAT)

Syarikat digesa kerjasama dengan belia

LEBIH banyak syarikat digalakkan untuk meninjau kerjasama strategik dalam inisiatif kelestarian alam sekitar yang diterajui oleh golongan belia, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau.

Beliau berkata, penting bagi kerajaan untuk melibatkan sektor swasta dan memperkasakan golongan belia untuk menjadi sebahagian da-

ri pada agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50) dari perspektif lestari.

"Sebahagian inovasi memerlukan banyak pembiayaan daripada kerajaan tetapi kadangkala kita mempunyai kekurangan dalam pembiayaan, terutamanya untuk projek-projek besar.

"Namun, jika kita dapat menghasilkan model perniagaan untuk menangani masalah ini, ia adalah hebat," katanya pada majlis menandatangani me-

morandum persefahaman (MoU) antara Ecoverse dan Sime Darby Plantation Bhd untuk membangunkan ladang buluh yang lestari di Putrajaya.

Ecoverse, syarikat yang diterajui oleh belia, diwakili oleh pengasasnya, Christopher Louis Tan, manakala Sime Darby Plantation oleh Pegawai Lestari Utama, Lee Ming Enn.



Manfaat untuk pesakit kanser



Mohd Zaid (kiri) menunjukkan dokumen MoU yang dimeterai antara Ketua Pegawai Eksekutif, Alteogen Incorporation, Soon Jae Park pada majlis tersebut.

INNO Bio Ventures Sdn Bhd menyasarkan empat produk biosimilar berkaitan dengan penyakit kanser mampu dikomersialkan menjelang lima tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Zaid Abdul Jalil berkata, buat masa ini empat produk terbabit sedang dalam proses mendapatkan kelulusan daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

“Bagaimanapun, pihak kami optimis produk pertama biosimilar akan mula dipasarkan dalam tempoh dua tahun akan datang selepas mendapat kelulusan NPRA,” katanya pada sidang media Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Inno Bio Ventures dan Universiti Malaya (UM) serta Inno Bio Ventures dan Alteogen Incorporation, Korea di Inno Biologics Sdn Bhd di Nilai, Seremban.

Mohd Zaid menandatangani kedua-dua MoU tersebut bagi pihak Inno Bio Ventures Sdn Bhd sementara UM diwakili Timbalan Pengarah Klinikal (Surgikal) Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Prof Madya Dr Azura Mansor dan Alteogen Incorporation diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Soon Jae Park.

Majlis berkenaan telah disaksikan **Ketua Setiausaha Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahya** dan Pengerusi Inno Bio Ventures Sdn Bhd, Tan Sri Abdul Rahman Mamat.

Mohd Zaid berkata, produk biosimilar yang dihasilkan itu akan mampu menjimatkan kos perubatan dari 20 sehingga 30 peratus berbanding produk originator.

“Buat masa ini kebanyakan pesakit kanser menggunakan produk originator yang diimport. Justeru, apabila ada produk biosimilar ini, ia akan membantu pesakit kanser mengurangkan kos perubatan mereka,” katanya.

Inno Bio Ventures Sdn Bhd adalah syarikat pertama yang membangunkan produk biosimilar di negara ini.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (DASAR & PENTADBIRAN) : MUKA SURAT 03
TARIKH : 30 MAC 2018 (JUMAAT)

[FOTO ADZLAN SIDEK/BH]



Jamil Khir Othman (dua dari kanan) dan **Awaludin** (dua dari kiri) pada majlis perasmian MyHAC di Bandar Enstek, Seremban, semalam.

Makmal halal pertama dunia di Malaysia

Seremban: Pusat Analisis Halal Malaysia (MYHAC), makmal halal pertama di dunia yang dibangunkan di Bandar Enstek dekat sini membuktikan kerajaan lebih mengutamakan pelaksanaan dan pencapaian dalam pembangunan Islam di Malaysia, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Katanya, kerajaan juga sangat prihatin terhadap sistem penyampaian dalam pengurusan pensijilan halal, terutama bagi memberi kemudahan kepada industri yang memohon sijil pengesahan halal Malaysia.

"Pewujudan MYHAC adalah satu inisiatif yang amat baik dalam usaha Malaysia untuk memartabatkan industri halal dan ia akan menjadi pemangkin ke arah melengkapkan ekosistem halal negara yang bukan sahaja memberi fokus terhadap proses pengauditan dalam pengesahan halal malah turut membabitkan proses pemantauan dan analisis terhadap sampel secara rambang.

"Ia pasti akan menyumbang ke arah mempertingkatkan keyakinan pengguna pada produk yang dipersijilkan halal," katanya dalam ucapan pada majlis perasmian MY-

HAC di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Yang turut hadir Ketua Pengarah JAKIM, Tan Sri Othman Mustafa dan Speaker Dewan Undangan (DUN) Negeri Sembilan, Datuk Seri Dr Awaludin Said.

MyHAC bermula 2005

Ahmad Zahid berkata, idea membangunkan MyHAC bermula pada 2005 sebagai sebahagian daripada pembangunan Kompleks Halal Malaysia yang komprehensif meliputi



MYHAC adalah satu inisiatif yang amat baik dalam usaha Malaysia memartabatkan industri halal dan ia akan menjadi pemangkin ke arah melengkapkan ekosistem halal negara"

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri

blok pengurusan, latihan serta makmal itu sendiri.

Katanya, MyHAC bertanggungjawab menganalisis produk dan menghasilkan penyelidikan industri halal negara menerusi dua seksyen utama, iaitu Seksyen Kimia dan Seksyen Bioteknologi.

"Sehingga akhir 2017, sembilan kaedah analisis halal dibangunkan dan ia membolehkan MyHAC beroperasi sepenuhnya dan menerima sampel untuk dianalisis.

"Pembangunan Kompleks Halal Malaysia Fasa Dua dan seterusnya akan dilaksanakan dalam masa terdekat," katanya.

HARIAN METRO

Nur Aqidah Azizi
nur@nstp.com.my

Seremban

Pembinaan Pusat Analisis Halal Malaysia (MyHAC), makmal halal pertama seumpamanya di dunia membuktikan kerajaan tidak hanya pandai ber retorik, tetapi lebih mengutamakan pelaksanaan dan pencapaian dalam pembangunan Islam.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, pembinaan makmal analisis halal itu satu inisiatif baik dalam usaha memartabatkan industri halal di persada antarabangsa.

Katanya, pensijilan halal yang dilaksanakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) menggabungkan kedua-dua elemen iaitu hukum syarak dan sains teknologi.

"Ia dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan dan prinsip syariah selain dari aspek keselamatan dan kebersihan sesuatu produk terjamin.

"Tahap integriti yang ting-



JAMIL Khir (kiri) menyempurnakan perasmian MyHAC di Bandar Enstek, semalam.

Bukan retorik bina MyHAC

■ **Pembinaan bukti kesungguhan kerajaan memartabat industri halal di persada antarabangsa**

gi dalam memastikan produk diberikan sijil pengesahan halal Malaysia bukan sekadar penelitian terhadap dokumen dan pangauditan di lapangan semata-mata, tetapi ia turut merangkumi analisis secara saintifik di makmal bagi pengesahan ramuan yang tidak diketahui status halalnya.

"Pembinaan MyHAC dapat

membantu proses pensijilan halal agar dapat dilaksanakan dengan lebih efisien," katanya dalam ucapan majlis perasmian MyHAC di Bandar Enstek di sini, semalam.

Teks ucapannya dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Turut hadir, Ketua Pengarah JAKIM Tan Sri Othman

Mustafa dan Speaker Dewan Undangan (DUN) Negeri Sembilan Datuk Seri Dr Awaludin Said.

Ahmad Zahid berkata, keistimewaan manual prosedur pensijilan halal Malaysia berbanding dengan apa yang dilaksanakan negara lain mengangkat pengiktirafan terhadap logo halal Malaysia di persada antarabangsa.

CyberI3 atasi kelemahan kamera IP

➔ CSM perkenal
rangka kerja
siber elak
pencerobohan

Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias
wanti@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

CyberSecurityMalaysia (CSM) akan memperkenalkan rangka kerja siber dikenali CyberI3 untuk mengatasi kelemahan dalam sistem kamera pengawasan yang menggunakan sistem protokol internet (IP).

Rangka kerja itu merangkumi proses, sistem analisis dan prosedur, berperanan sebagai pelindung sistem termasuk yang digunakan pakai kamera IP, khususnya bagi mengelak menjadi mangsa pen-

cerobahan siber.

CyberI3 berkonsep serampang dua mata, iaitu melindungi jaringan internet kamera IP daripada diceroboh, selain membantu memberi maklumat mengenai potensi jenayah serta turut berfungsi menganalisis kejadian jenayah.

Naib Presiden Kanan, Perkhidmatan Responsif Keselamatan Siber CSM, Dr Aswami Ariffin, berkata CyberI3 dibangunkan pihaknya hasil penyelidikan yang dimulakan kira-kira dua tahun lalu dan dijangka beroperasi menjelang hujung tahun ini.

Beliau mengakui tanpa rangka kerja CyberI3, kamera IP lebih terdedah kepada serangan siber dan sebaik ia diceroboh, penyerang boleh memadam atau mengubah rakaman seperti insiden rompakan untuk menghapuskan bukti.

"Penyerang siber yang mahir boleh memadam, memanipulasi atau mengubah data, malah boleh memasukkan wajah atau objek lain ke dalam rakaman asal. Ini meny-

ebabkan rakaman tidak boleh digunakan sebagai bukti di mahkamah kerana hilang integriti data.

Pastikan perkakasan selamat

"Persediaan awal penting untuk memastikan semua perkakasan internet selamat, selain menjaga sebaik mungkin integriti dan kerahsiaan data oleh organisasi yang memiliki sistem kamera IP berkenaan," katanya kepada BH.

Dr Aswami mengakui apa-apa peralatan membabitkan rangkaian internet perlu dijaga kerana ia mudah terdedah serangan siber.

Mengenai peranan CyberI3 dalam membantu proses analisis siasatan insiden jenayah, beliau berkata, CSM perlu dipanggil terus ke lokasi kejadian untuk memindahkan rakaman insiden berkenaan ke peralatan forensik.

"Tujuannya bagi mengelakkan kesukaran proses pemindahan data akibat berbeza format rakaman asal," katanya.

Sementara itu, Pakar Biometrik



Masalah utama adalah apabila pemilik premis, khususnya yang diklasifikasikan premis strategik tidak memiliki sistem kamera IP dengan ruang penyimpanan data yang besar"

**Mohammad Zaharudin
Ahmad Darus,**
Pakar Biometrik
Bertauliah CSM

Bertauliah CSM, Mohammad Zaharudin Ahmad Darus, berkata menerusi penyelidikan CyberI3, CSM turut membangunkan kepakaran perkomputeran awan supaya lebih banyak data boleh disimpan dalam tempoh lama.

Beliau berkata, masalah utama adalah apabila pemilik premis, khususnya yang diklasifikasikan premis strategik tidak memiliki sistem kamera IP dengan ruang penyimpanan data yang besar.

Ia, katanya, menyebabkan analisis terhadap situasi mencurigakan sebelum kejadian jenayah berlaku, gagal dilaksanakan.

"Bagi memantapkan rangka kerja ini, CSM turut menyediakan perumusan informasi, iaitu semua maklumat dimasukkan secara digital ke dalam pelayar komputer.

"Selain insiden kamera IP, pengguna juga boleh melihat statistik serangan 'malware' serta aktiviti lain, lokasi penyerang dan dokumen yang sudah dijangkiti pada masa sebenar," katanya.